



TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA ENCIK ABDUL HALIM BIN YAZID
(HALIM YAZID) MENGENAI INTEGRASI BELIAU DALAM DIKIR BARAT
BERSAMA ETNISITI PEMUZIK BLUES DI AMERIKA SYARIKAT PADA
TAHUN 2011

DISEDIAKAN OLEH:
SITI ATIQA BINTI ABD RAHIM 2011905453
NURUL ADILA HANIM BINTI MAZALAN 2011160111

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT BAGI MEMENUHI
KEPERLUAN KURSUS IMR 604-DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

SESI MAC - JULAI 2013

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	i
ABSTRAK.....	ii
PENGENALAN.....	1-4
1.0 DIKIR BARAT.....	5
1.1 SEJARAH DIKIR BARAT.....	6
1.1.1 Cara persembahan dikir barat.....	6
1.1.2 Alat-alat muzik dikir barat.....	7
1.2 BLUES.....	10
1.2.1 Sejarah Blues.....	11
1.2.2 Bangsa dalam sejarah muzik Blues.....	12-18
1.3 SEJARAH MASYARAKAT BLUES MUZIK.....	18
1.4 BUDAYA DALAM SEJARAH MUZIK BLUES.....	22-25
1.5 JANTINA DALAM SEJARAH MUZIK BLUES.....	26-28
1.6 MISSISSIPPI DELTA.....	28-29
TRANSKRIP TEMUBUAL.....	30-70
LOG TEMUBUAL.....	71-74
RALAT.....	75
RUJUKAN.....	76-77
LAMPIRAN	
▪ BIODATA TOKOH.....	78-84
▪ BIODATA PENULIS I.....	85
▪ BIODATA PENULIS II.....	86
▪ DIARI PENYELIDIKAN.....	87-88

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.. Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih.

Terlebih dahulu, kami lafazkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan pertolongan dari Nya, kami dapat menyiapkan transkrip ini. Jutaan terima kasih dan penghargaan dirakamkan kepada Puan Azura Jamil@Kamarulddzaman, pensyarah subjek IMR604-Dokumentasi Sejarah Lisan di atas nasihat dan bimbingan yang dicurahkan kepada kami. Ilmu yang dicurah akan kami jadikan panduan untuk berusaha dengan lebih gigih dan juga menghasilkan transkrip yang berkualiti pada masa-masa akan datang.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga ditujukan buat Encik Abdul Halim bin Yazid atau Halim Yazid kerana sudi ditemuramah dan berkongsi pengalaman bagi menjayakan projek ini. Semoga dengan terhasilnya transkrip temubual ini, dapatlah kiranya dijadikan sebagai satu kenangan di masa akan datang. Pendokumentasian sejarah lisan adalah kaedah mengumpul maklumat besejarah yang mempunyai pengalaman yang sangat berharga khususnya terhadap industri seni tanah air. Ia menjadi satu sumber sejarah yang penting dan keperluan untuk menyimpan maklumat-maklumat mengenai pengalaman orang-orang terdahulu mengenai sesuatu peristiwa dan sumbangan mereka khususnya. Pengalaman-pengalaman mereka ini menjadi khazanah negara yang tidak ternilai dan akhirnya menjadi sumber rujukan kepada generasi akan datang.

Berkat doa daripada ibu bapa yang mendoakan kejayaan kami di dalam pelajaran dan usaha kami, maka terhasillah transkrip temubual ini. Tidak di lupakan sahabat-sahabat seperjuangan kami yang banyak membantu dan member tunjuk ajar sepanjang proses menyiapkan transkrip ini. Jutaan terima kasih kami ucapkan. Kami berharap transkrip temubual ini akan memberi input dan imej kepada para penyelidik untuk mengenali jasa dan perjuangan Halim Yazid yang mungkin kita tidak dapat ketahui dan perolehi daripada sumber bacaan lain. Oleh itu, kami berharap agar transkrip temubual ini akan memberikan manfaat kepada penyelidik serta generasi akan datang. Kami berharap para pembaca mahupun penyelidik dapat menerima hasil kerja ini sebagai kejayaan bersama. Sesungguhnya yang baik itu datangnyanya daripada Allah, dan yang buruk itu datangnyanya daripada kelemahan diri kami sendiri. Terima kasih....

ABSTRAK

Transkrip Wawancara bersama Encik Abdul Halim Bin Yazid mengenai Integrasi Beliau dalam Dikir Barat bersama Etnisiti Pemuzik Blues di Amerika Syarikat Pada Tahun 2011.

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Abdul Halim bin Yazid atau lebih dikenali sebagai 'Halim Yazid' mengenai penglibatan dan pengalaman beliau bekerjasama dengan Pemuzik Blues di Amerika Syarikat pada tahun 2011. Lokasi temubual ini diadakan di pejabat beliau di Bahagian HEP, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau, penglibatan beliau di dalam bidang seni. Selain itu, dalam transkrip ini juga menyentuh serba sedikit mengenai sejarah dan maksud dikir barat mengikut pandangan tokoh. Disamping itu, di dalam transkrip ini juga ada menyentuh mengenai peralatan yang digunakan dalam dikir barat seperti rebana dan sebgainya. Klimaks dalam transkrip ini adalah mengenai pengalaman yang beliau lalui sepanjang berkolaborasi dengan pemuzik Blues. Selain itu, terdapat juga beberapa pendapat beliau mengenai bidang seni di negara kita dan luar negara serta perbezaannya dan nasihat kepada pelajar dan juga pengiat seni yang baru dalam bidang seni.*

Kata kunci: *Halim Yazid, Dikir Blues, Dikir Barat, Majalah 3 (tiga), Universiti Malaya, Pemuzik Blues, Pendikir.*

PENGENALAN

Malaysia semakin pesat membangun dalam mengharungi era 2020. Dalam masa yang sama, pertumbuhan ekonomi Malaysia yang pesat telah memberi impak yang besar dan positif kepada perkembangan industri seni negara. Perkembangan industri seni negara kita telah member nafas baru kepada para karyawan seni, artis dan juga mereka yang terlibat sama ada di dalam atau belakang tabir dalam industri perfileman mahupun nyanyian.

Muzik Malaysia mencerminkan masyarakat berbilang bangsa yang bersatupadu. Mengikut perangkaan yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, populasi Negara kita terdiri daripada kaum Melayu (54.5%), China (29%), India (8%), Orang Asli (8%) dan lain-lain (0.5). Untuk mendefinisikan sesuatu budaya Malaysia yang bersatu padu bukanlah mudah. Namun, masyarakat majmuk Malaysia mampu mengekalkan tradisi kebudayaannya yang pelbagai.

Penyanyi adalah mereka yang menyampaikan lagu atau nyanyian dengan diiringi muzik. Terdapat beberapa jenis muzik daripada jenis tradisional, klasik, rock and roll, pop, alternative dan nasyid. Penyanyi boleh menyanyi secara solo ataupun secara berkumpulan. Pada kebiasaannya, penyanyi di Malaysia akan bernaung di bawah beberapa syarikat penerbit rekod Malaysia untuk tujuan penerbitan dan pemasaran rekod yang dihasilkan.

Hup hup records atau Life Records adalah syarikat rakaman pertama berdaftar di Malaya di mana telah mula menjalankan operasi pada tahun 1949 dan selepas itu telah wujud syarikat rakaman yang mula bertapak dalam perniagaan muzik. Pada 1951, beberapa lagu popular dari filem telah direkodkan oleh syarikat Piring hitam H.M.V nyanyian Rubiah di mana beliau dianggap sebagai “penyanyi Melayu yang terbesar sekali” dan Momo Latif pula dianggap sebagai penyanyi HMV yang dapat merubah-ubah suaranya dan mungkin bernyanyi di dalam berbagai-bagai rupa lagu”

Perkembangan muzik popular Malaysia berkembang seiring dengan kepesatan industri filem di mana Tan Sri P.Ramlee mula mencipta lagu pada tahun 1940'an semasa berumur 17 tahun dan menempa nama pada tahun 1950'an terutama semasa beliau menjadi pengarah bagi filem Penarek Becha (1955). Sebelum itu juga Tan Sri P.Ramlee pernah merakamkan lagu “Baidah” dan “Pantai Gurauan” dan beberapa lagu lain dalam rekod ‘pathe’.